

BAB 3

PEMBANGUNAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA (1957 – 2000)


3.1 PENGENALAN

Perindustrian merupakan satu sektor ekonomi yang penting dalam menjana pembangunan ekonomi sesebuah negara. Banyak negara telah menceburi atau beralih ke sektor ini dengan harapan ianya dapat memajukan negara. Kejayaan negara-negara maju (G8) yang terdiri dari negara Amerika Syarikat, Britain, Jepun, Jerman, Itali, Kanada, Perancis dan Russia misalnya telah dijadikan contoh oleh banyak negara terutamanya negara sedang membangun dan negara mundur menceburi sektor ini dengan lebih agresif.

Negara kita Malaysia juga tidak terkecuali dalam perkara ini dan buktinya sektor perindustrian telah diceburi sejak dari sebelum merdeka lagi walaupun pada skala kecil. Penumpuan yang serius dalam sektor perindustrian ternyata tidak mengecewakan negara dengan pencapaian sektor ini melalui sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hanya kurang 10 peratus sumbangan dalam KDNK pada tahun 1960, sumbangannya telah meningkat hampir empat kali ganda pada tahun 2000 iaitu sebanyak 37.2 peratus (Lihat Rajah 3.1).

Usaha yang dilakukan untuk memajukan sektor perindustrian dengan kerajaan memainkan peranan utama telah menjadikan Malaysia sebuah negara industri baru yang pesat membangun. Matlamat mencapai tahap negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020 tidak boleh dipandang enteng dan ini merupakan satu cabaran kepada rakyat terutama kepada generasi baru.

**RAJAH 3.1 : PERATUS SUMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN
DALAM KDNK MALAYSIA (1960 – 2000)**



Sumber : Kerajaan Malaysia, Pelbagai Keluaran

3.2 PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA 1957 – 2000

Perindustrian di Malaysia (Malaya dan Tanah Melayu sebelum 1963) telah bermula sejak sebelum kemerdekaan lagi terutama oleh pemodal Inggeris dan juga orang Cina. Perindustrian pada masa itu tertumpu kepada industri skala kecil seperti memproses barang

keperluan harian, makanan, minuman, kraftangan dan perabot untuk pasaran tempatan. Industri skala besar hanya tertumpu dalam pemprosesan peringkat pertama hasil getah dan timah sebelum ianya dieksport ke luar negara (Puthucheary dalam Brookfield, 1994).

Keadaan yang sedemikian berlaku kerana kedua-dua komoditi tersebut merupakan hasil eksport Malaya yang utama sejak sebelum merdeka (Lihat Jadual 3.1). Dasar penjajah yang tidak memajukan tanah jajahan menyebabkan perindustrian tidak berlaku dengan pesat di Tanah Melayu. Sumber yang diperolehi dari tanah jajahan akan dihantar ke negara asal penjajah sebelum dijual semula ke negara yang dijajah dalam bentuk barangan siap.

**JADUAL 3.1 : JUMLAH EKSPORT GETAH DAN TIMAH
DAN PERATUS GABUNGAN (1947 – 1960)**

TAHUN	JUMLAH EKSPORT (RM JUTA)		% JUMLAH EKSPORT GETAH DAN TIMAH
	GETAH	TIMAH	
1947	835	701	83.9
1950	2608	2252	86.3
1955	2372	2018	85.1
1960	2924	2336	79.9

Sumber : Rokiah, 1996

Lokasi perindustrian hanya tertumpu di beberapa kawasan sahaja terutamanya di bandar-bandar besar seperti Georgetown dan Singapura. Singapura terutamanya menjadi kawasan penumpuan industri utama kerana ia adalah pusat wilayah bagi 'Empayar British' (Puthucheary dalam Jomo, 1993). Kedatangan Jepun pula dikatakan telah mempercepatkan lagi perindustrian (Wheelwright, 1965; Ooi Jin Bee, 1968). Banyak 'work shop' kecil dan

kilang ditubuhkan untuk mengeluarkan berjenis-jenis barangan yang dahulunya diimport termasuklah simen, gas perusahaan, perkakas aluminium, cat, plastik, gelas dan baja.

Penglibatan tenaga buruh dalam sektor pembuatan juga amat rendah jika dibandingkan dengan sektor pertanian. Walaupun antara tahun 1947 hingga 1957 ada peningkatan bilangannya tetapi kadarnya telah merosot sebanyak 0.3 peratus kepada hanya 6.4 peratus. Kumpulan etnik Cina pula merupakan golongan yang mendominasi tenaga buruh sektor pembuatan berbanding kumpulan etnik lain (Lihat Jadual 3.2). Etnik Melayu dan India hanya mewakili 19.6 peratus dan 7.5 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja sektor pembuatan ini.

**JADUAL 3.2 : PENDUDUK DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN
MENGIKUT KUMPULAN ETNIK 1957**

KUMP. ETNIK	BILANGAN	PERATUS
MELAYU	26 588	19.6
CINA	97 502	72.0
INDIA	10 086	7.5
LAIN-LAIN	1 206	0.8
JUMLAH	135 382	100.0

Sumber: Banci Penduduk Persekutuan 1957 dalam Wheelwright, 1965

Keadaan sedemikian disebabkan letakan sektor pembuatan di bandar, sedangkan asas penduduk di Tanah Melayu di bawah dasar 'pecah dan perintah' British adalah mengikut tempat tinggal dan aktiviti ekonomi. Etnik Melayu dikenali sebagai golongan petani dan nelayan yang mendiami kawasan luar bandar dan kampung. Etnik India pula

bekerja sebagai buruh di ladang getah dan tinggal di estet, manakala etnik Cina mendiami kawasan bandar dan bekerja sebagai peniaga dan juga di lombong timah. Jadi peluang etnik Cina berbanding etnik lain untuk menceburi sektor pembuatan adalah lebih luas.

Selepas merdeka Malaya telah mengorak langkah untuk memajukan sektor pembuatan. Pelbagai strategi meliputi pelancaran beberapa dasar, perundangan dan inisiatif telah diwujudkan. Dasar dan perundangan ini pula sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa dan perubahan keadaan semasa sama ada di dalam dan juga di luar negara (Fatimah dan Saad, 1999). Strategi yang dijalankan sejak merdeka hingga kini boleh dibahagikan kepada beberapa fasa (Lihat Jadual 3.3).

Fasa pertama dalam tempo perindustrian negara berlangsung apabila Malaya mencapai kemerdekaan. Dalam melaksanakan perindustrian kerajaan telah mengamalkan 'strategi industri penggantian import'. Melalui strategi ini kerajaan telah menggalakkan pelabur luar mengeluarkan atau menghimpun atau membungkus barangan kepada barangan siap yang mana sebelum ini kebanyakannya diimport (Jomo dan Edward, 1993). Barangan yang digalakkan adalah barangan pengguna untuk pasaran tempatan seperti makanan, minuman, pakaian, jentera, bahan kimia dan barang keperluan harian.

Bagi merangsang pertumbuhan perindustrian, kerajaan telah memperkenalkan Ordinan Industri Perintis 1958. Melalui ordinan ini perusahaan yang layak akan menerima pengecualian cukai selama 2 tahun. Tempoh pengecualian boleh ditambah kepada 3 tahun kepada perusahaan yang mempunyai modal tetap antara RM 100,000 hingga RM 250,000 dan tambahan kepada 5 tahun kepada perusahaan yang mempunyai modal tetap melebihi

RM 250,000 (Hoffman dan Tan Siew Ee, 1980). Apabila Singapura, Sabah dan Sarawak menyertai Persekutuan dan membentuk Malaysia, Akta Industri Perintis 1965 telah diwujudkan untuk menggantikan Ordinan Industri Perintis 1958.

**JADUAL 3.3 : FASA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN
DI MALAYSIA 1957-2001**

FASA	STRATEGI	POLISI	PENEKANAN
1.	Industri Penggantian Import (1957-70)	Ordinan Industri Perintis 1958 Rancangan Malaya 1 (1956-60) Rancangan Malaya 2 (1961-65) Rancangan Malaysia 1 (1966-70)	-barangan pengguna -berasaskan pasaran dalam negara
2.	Industri Orentasi Eksport (1971-80)	Akta Galakan Pelaburan 1968 Dasar Ekonomi Baru 1971-1990 Akta Penyelarasan Industri 1975 Rancangan Malaysia Ke-2 Rancangan Malaysia Ke-3	-pasaran eksport -Free Trade Zone -elektronik dan tekstil untuk eksport
3.	Industri Penggantian Import Fasa II (1981-85)	Rancangan Malaysia Ke-4	-industri berat untuk pasaran tempatan
4.	Industri Orentasi Eksport Fasa II (1986-95)	Pelan Induk Perindustrian 1986-95 Akta Penggalak Pelaburan 1986 Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Industri 1990 Dasar Pembangunan Nasional 1991-2000 Rancangan Malaysia Ke-5 Rancangan Malaysia Ke-6	-penstrukturan semula sektor pembuatan -P & P
5.	Industri Berteknologi Tinggi	Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996-2005 Wawasan 2020 Rancangan Malaysia Ke-7 Rancangan Malaysia Ke-8	-industri berteknologi tinggi - ICT

Dalam merangka dasar-dasar berkaitan perindustrian, penyediaan lokasi dan kemudahan infrastruktur merupakan penyumbang utama kejayaan dasar negara dalam sektor perindustrian. Oleh yang demikian kerajaan telah bertindak membuka estet-estet perindustrian di merata negara seperti Petaling Jaya, Mak Mandin, Mengelebu, Larkin,

Tampoi, Shah Alam - Batu Tiga, Senawang, Titi Putih, Kepayang, Likas, Sungai Antu dan Bintawa. Walau bagaimanapun ada sesetengah estet perindustrian ini tidak berjaya menarik perusahaan meletakkan kilang mereka terutamanya di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak (Kerajaan Malaysia, 1969).

Dalam memperlengkapkan kemudahan infrastruktur seperti pengangkutan, bekalan air, elektrik dan komunikasi kerajaan telah memperuntukan sejumlah wang yang besar untuk membangunkannya. Lebih 50 peratus daripada belanjawan yang diperuntukan dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga telah disalurkan untuk memperlengkapkan kemudahan infrastruktur. Walaupun matlamat utamanya adalah untuk menyediakan kemudahan kepada penduduk tetapi ia juga disediakan sebagai asas kepada dasar perindustrian yang dijalankan oleh kerajaan.

Selepas melihat 'strategi industri penggantian import' gagal meluaskan rantaian ekonomi dan menambahkan guna tenaga akibat pasaran yang terhad, strategi kedua iaitu 'strategi perindustrian orientasi eksport' telah dirangka pada pertengahan 1960-an (Fatimah dan Saad, 1999). Hasilnya Akta Galakan Pelaburan 1968 telah diperkenalkan untuk menarik pelabur asing melabur dalam pengeluaran barangan yang berasaskan eksport. Tiga bentuk galakan dalam Akta 1968 ini adalah taraf perintis, kredit cukai pelaburan dan galakan eksport (Kerajaan Malaysia 1969). Dua sub perindustrian yang menjadi sasaran strategi ini adalah elektrik dan tekstil kerana kedua-duanya berintensifkan buruh dan berorientasikan eksport (Rokiah, 1996).

Kerajaan telah mewujudkan Kawasan Zon Perdagangan Bebas (FTZ- *Free Trade Zone*) pada 1970 untuk menggalakkan lagi pelaburan asing yang berorientasi eksport. Antara FTZ yang diwujudkan pada masa ini adalah Bayan Lepas dan Prai di Pulau Pinang, Sungai Way, Teluk Panglima Garang dan Ulu Klang (Selangor) dan Batu Berendam dan Tanjung Kling (Melaka). Kewujudan FTZ ini telah membentuk struktur industri 'dualistik' iaitu industri yang dijalankan di FTZ dan industri yang dijalankan di estet perindustrian biasa. Walau bagaimanapun kedua-duanya jelas berbeza kerana industri yang dijalankan di FTZ adalah untuk pasaran eksport manakala di estet perindustrian lebih kepada pasaran tempatan (Rokiah, 1996).

Apabila tragedi 13 Mei 1969 berlaku dan perindustrian dikatakan menjadi salah satu faktor tidak langsung berlakunya peristiwa itu, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1971. DEB mempunyai 2 matlamat utama untuk dicapai dalam tempoh 20 tahun tempoh sasarannya iaitu membasmi kemiskinan dan mempercepatkan penyusunan semula masyarakat (Kerajaan Malaysia, 1973). Dalam mencapai matlamat tersebut perindustrian akan dijadikan salah satu alat dalam memainkan peranan utama menambahkan pekerjaan supaya peluang orang Melayu dan bumiputera menceburi kegiatan sektor ekonomi moden (Kerajaan Malaysia 1973).

Bagi menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perindustrian, berbagai perusahaan telah diwujudkan oleh badan-badan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung seperti MARA, PERNAS, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), dan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia (FIMA). Galakan yang diberikan berupa modal,

khidmat nasihat dan juga latihan. Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 telah diwujudkan untuk menambah penyertaan bumiputera dalam sektor perindustrian.

Fasa ketiga membawa negara kembali kepada strategi semasa fasa pertama perindustrian iaitu 'strategi industri penggantian import'. Walaupun strateginya sama tetapi penumpuan adalah kepada industri berat. Penglibatan negara dalam industri berat adalah mengambil contoh kejayaan Korea Selatan dalam industri beratnya dan juga melalui dasar baru negara iaitu 'Dasar Pandang ke Timur' (Jomo dan Edward, 1993; Rokiah, 1996). Penglibatan juga bertujuan mempelbagaikan asas perindustrian negara yang terlalu bergantung kepada sub sektor kecil elektrik dan elektronik. Industri berat juga diharap akan mewujudkan rantaian ekonomi yang besar serta menjadi pemangkin kepada perkembangan industri kecil dan sederhana (IKS) melalui pengwujudan vendor.

Bagi mencapai matlamat tersebut kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada 27 November 1981, untuk merancang, melaksana dan mengurus projek-projek dalam industri berat. Antara projek industri berat yang diusahakan adalah industri besi waja, projek kereta nasional, simen, petrokimia serta pembuatan dan pembaiki kapal.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan pencapaian dalam industri berat adalah lemah (Jomo dan Edward, 1993; Rokiah, 1996). Masalah utama adalah berkaitan dengan kos pengeluaran dan pengurusan yang besar kerana ketiadaan pengalaman. Masalah lain adalah pasaran tempatan yang kecil dan hubungan industri yang lemah seperti yang dialami

oleh PERWAJA. Namun begitu ada juga projek yang berjaya seperti projek kereta nasional PROTON.

Fasa keempat dalam perindustrian negara ditandai dengan Pelan Induk Perindustrian (PIP) 1986-95. PIP merupakan pelan petunjuk jangka panjang untuk membangunkan sektor kecil yang khusus, dasar-dasar sokongan dan bidang-bidang yang memerlukan penekanan khas. Dua belas sektor kecil telah dikenalpasti sebagai sektor keutamaan, tujuh industri berasaskan sumber dan lima bukan sumber (Kerajaan Malaysia, 1991).

PIP dilaksanakan dengan memberi penekanan terhadap insentif fiskal untuk menarik pelabur dan meningkatkan lagi pelaburan melalui penambahan pelaburan, hubungan dua hala, eksport dan latihan. Beberapa insentif yang menarik telah diwujudkan seperti Akta Pengalok Pelaburan 1986, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Elaun Cukai Pelaburan (ITA). Penumpuan juga diberi dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan pengezetan dua enakmen iaitu Akta Paten 1986 dan Akta Hak Cipta 1987.

Untuk memperluas dan memperkukuhkan lagi asas perindustrian Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian telah diwujudkan pada 1990, bagi menyediakan garis panduan yang lengkap untuk pembentukan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang. Strategi utama adalah untuk mempergiat R&D terutamanya dalam pembangunan teknologi perindustrian seperti pembuatan berautomatif, bahan termaju, teknologi elektronik, bioteknologi dan teknologi maklumat.

Pada keseluruhannya, fasa keempat ini menunjukkan peningkatan dalam sektor perindustrian dalam menyumbangkan kemakmuran ekonomi negara keseluruhannya. Insentif lebih liberal yang disediakan dilihat membantu perkembangan pesat dalam sesetengah industri seperti barangan getah, kelengkapan pengangkutan, minyak dan lemak, kimia dan petroleum serta industri berat. Namun begitu sektor tradisi elektrik dan elektronik masih memberi sumbangan yang besar dalam sektor perindustrian negara.

Fasa kelima perindustrian negara sedang berlangsung sekarang apabila kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) bagi menyambung kesinambungan dari PIP. Kemasukan fasa kelima ini disambut dengan masalah kemelesetan ekonomi yang melanda Asia terutamanya Jepun, Korea Selatan dan juga ASEAN pada 1998. Kemasukan ke alaf baru juga disambut dengan kemurungan akibat kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka akan membawa kepada masalah ekonomi secara global.

Walaupun dunia menghadapi masalah, kerajaan terus mengorak langkah untuk menyambung kesinambungan kemajuan ekonomi negara terutama perindustrian. Dalam era teknologi maklumat (IT) kini, sektor perindustrian juga tidak terkecuali melibatkan diri dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang menggunakan teknologi tinggi.

Dalam usaha mempertingkatkan kemajuan sektor ICT negara, kerajaan telah memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC) ala Lembah Silikon di Amerika. MSC meliputi kawasan Kuala Lumpur (Kuala Lumpur City Center – KLCC) menganjur ke

selatan di Cyberjaya hinggalah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). MSC diwujudkan untuk menggalakkan syarikat tempatan dan antarabangsa melibatkan diri dalam industri ICT. Sehingga 7 Disember 2001, sebanyak 616 syarikat telah diberikan status MSC dengan 50 daripadanya adalah syarikat bertaraf antarabangsa (Berita Harian, 2 Januari 2002).

Infrastruktur teknologi telah diperluaskan untuk kemudahan sektor swasta melibatkan diri dalam industri berteknologi tinggi. Pusat-pusat inkubator teknologi ditubuhkan oleh MTDC melalui Taman Teknologi Malaysia (TTM) untuk memupuk dan membangunkan teknologi tinggi seperti dalam bidang bioteknologi, multi media dan ICT, elektronik termaju dan pembangunan perisian (Kerajaan Malaysia, 2001). Antara TTM yang diwujudkan adalah di Serdang yang memajukan industri berkaitan dengan ICT dan pembangunan perisian yang dipelopori oleh MIMOS dan TTM di Kulim, Kedah.

Jika diperhatikan fasa kelima yang sedang berlangsung sekarang, menumpukan industri berteknologi tinggi yang sememangnya berisiko tinggi untuk diceburi. Kejayaan atau kegagalan industri berteknologi ini tidak boleh dilihat dalam tempoh masa yang singkat dan masa yang sesuai mungkin pada tahun 2020 iaitu sasaran negara mencapai tahap negara maju. Walau apa yang berlaku negara kita sememangnya telah berubah asas ekonominya dari sektor pertanian kepada sektor perindustrian. Pencapaian yang memberangsang setakat ini membolehkan negara duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain.

3.3 FAKTOR PENGARUH PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

Penglibatan Malaysia dalam sektor perindustrian sememangnya diketahui telah bermula sejak sebelum kemerdekaan lagi. Namun begitu, penglibatan semakin giat apabila negara mencapai kemerdekaan. Ada banyak faktor mengapa negara menceburi sektor ini seperti terdapatnya sumber yang banyak dan tapak yang sesuai untuk lokasi, pertumbuhan penduduk, dasar ekonomi negara serta kemunculan dan kejayaan negara industri baru di Asia Timur seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

3.3.1 SUMBER

Negara sememangnya beruntung kerana dikurniakan dengan sumber semula jadi yang banyak seperti timah, petroleum, hutan dan tanah yang subur. Sumber semula jadi ini merupakan aset negara yang paling bernilai dan menjadi faktor utama penglibatan dalam sektor perindustrian. Sejarah perindustrian negara pada peringkat awal adalah didominasi oleh dua komoditi utama iaitu timah dan getah sehingga menjadi pengeluar utama dunia pada masa itu (Lihat Jadual 3.1).

Walaupun keluaran timah telah merosot, negara mempunyai sumber galian gantian yang baru iaitu petroleum. Getah bersama-sama kelapa sawit pula merupakan penyumbang utama dari sektor pertanian. Walaupun mendapat saingan dari negara pengeluar lain dan

barangan yang sama kegunaannya seperti getah sintetik dan minyak soya sumbangan dari kedua-duanya tidak dapat disangsikan lagi.

Jadi negara mengambil peluang yang ada ini dengan memproses sumber yang ada di dalam negara ini kepada barang siap atau separuh siap yang mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding mengeksportnya dalam bentuk bahan mentah. Dasar penjajahan yang mengaut segala sumber ke negara asal mereka merupakan satu pengajaran yang berguna kepada negara supaya bertindak bijak dalam mengurus sumber negara yang banyak ini. Selain memperolehi keuntungan yang lebih tindakan negara memproses sumber sendiri akan menambahkan peluang pekerjaan kepada penduduk dan juga mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara.

Selain sumber tersebut, Malaysia juga dikurniakan dengan bentuk muka bumi yang sesuai untuk didirikan kawasan perindustrian terutamanya di sepanjang Koridor Pembangunan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Di antara kawasan perindustrian utama yang dibuka di kawasan ini adalah Shah Alam, Prai, Senawang, Mengelembu, Kulim dan Pasir Gudang. Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak kawasan perindustrian juga telah dibuka di kawasan-kawasan yang sesuai seperti Gebeng (Pahang), Pangkalan Chepa (Kelantan), Likas dan Kepyang (Sabah) Bintulu dan Sungai Antu (Sarawak).

3.3.2 TENAGA BURUH

Bilangan tenaga buruh yang ramai dan murah juga telah menjadikan Malaysia satu destinasi yang menarik kepada firma asing untuk melabur. Kebanyakan firma sememangnya mencari lokasi yang menawarkan kos buruh murah untuk meminimumkan kos pengeluaran dan seterusnya memaksimumkan keuntungan. Bilangan tenaga buruh wanita yang murah misalnya telah menarik firma elektrik, elektronik dan tekstil asing melabur seperti di Zon Perdagangan Bebas Sungei Way dan Prai.

Malaysia juga menawarkan tenaga buruh mahir dan seperuh mahir yang murah jika dibandingkan dengan negara perindustrian baru lain. Tenaga buruh ini dilatih di pusat-pusat latihan perindustrian dan juga dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Giat Mara, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Politeknik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan lain-lain lagi.

Usaha terancang dalam penyediaan tenaga buruh dalam sektor industri dan lain-lain sektor telah dilakukan melalui Kementerian Sumber Manusia. Perancangan pembangunan sumber manusia sememangnya diberi keutamaan dalam proses pembangunan negara. Kerjasama terancang antara agensi dan badan berkanun dalam merancang pembangunan sumber manusia negara telah dilakukan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Sumber Manusia. Dalam era IT dan industri ICT sekarang Kementerian Pendidikan telah meluluskan pembinaan sebanyak 2 400 makmal komputer di semua sekolah untuk

menanamkan minat terhadap ICT sejak di peringkat akar umbi lagi (Berita Harian, 2 Januari 2002).

Gabungan tenaga buruh murah dan berkualiti terus mendapat pengiktirafan firma asing melalui pelaburan yang terus dilakukan. Budaya pekerja yang tidak menjalankan mogok dan merusuh juga menjadikan Malaysia destinasi pelabur asing utama di rantau ini. Walau bagaimanapun masalah kekurangan tenaga buruh semakin merebak dalam sektor industri negara. Ini merupakan cabaran dan ancaman kepada sektor industri kerana boleh menaikkan kadar upah dan boleh menyebabkan firma memindahkan operasi ke negara lain yang mempunyai kos buruh murah seperti Vietnam dan China.

Walaupun pekerja dari luar seperti Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan lain-lain telah dibawa masuk untuk menampung kekurangan ini tetapi ia boleh membawa kesan dalam jangka masa panjang. Peristiwa rusuhan dikalangan pekerja Indonesia di kilang Hualon, Nilai di Negeri Sembilan pula seperti satu amaran kepada sektor industri negara supaya tidak terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing.

Oleh kerana asas penduduk Malaysia sebelum merdeka berciri luar bandar sedangkan kawasan perindustrian banyak dibuka di bandar-bandar besar, maka ini telah menyebabkan berlakunya migrasi masuk ke kawasan perindustrian ini terutamanya di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Ada juga kawasan perindustrian yang merupakan bandar-bandar baru yang diwujudkan seperti Shah Alam, Pasir Gudang, Bandar Penawar dan Muadzam Shah.

Kawasan-kawasan perindustrian ini kebanyakannya dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur seperti perumahan, jalan raya dan kemudahan asas bukan sahaja untuk industri itu sendiri tetapi untuk pekerja. Beberapa pojek bandar baru yang lengkap dengan perindustrian sebagai kegiatan terasnya telah dibangunkan seperti Bandar Proton di Tanjung Malim (Perak) dan Bandar Nusajaya di Kulai (Johor).

3.3.3 PENGANGKUTAN DAN INFRASTRUKTUR

Sebelum satu-satu negara itu dapat menawarkan lokasi yang baik kepada firma asing untuk memindahkan lokasinya, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan mestilah disediakan terlebih dahulu. Tanpa kedua-duanya mana mungkin firma asing mahu melabur di negara itu.

Bagi Malaysia, penyediaan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan merupakan keutamaan dalam menarik pelabur melabur di negara ini. Penyediaan kemudahan yang asalnya memberi keselesaan kepada penduduk turut memberi laluan kepada pembangunan ekonomi terutamanya dalam sektor industri. Sejak Rancangan Malaya Kedua hinggalah Rancangan Malaysia Kelapan perbelanjaan kedua-duanya adalah tinggi melebihi 20 peratus (Lihat Jadual 3.4).

Sememangnya tidak dapat dinafikan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan di Malaysia antara yang terlengkap dan terbaik dikalangan negara sedang membangun. Kemudahan bekalan air, elektrik dan telefon telah dibekalkan hampir ke seluruh kawasan

yang berpenduduk kecuali di beberapa kawasan pedalaman seperti Tengah dan Timur Semenanjung Malaysia dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan akan menumpukan usaha pembangunan infrastruktur fizikal dan sosial di Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan daya tarikan kepada pelabur (Kerajaan Malaysia 2000).

JADUAL 3.4 : PERATUS BELANJAWAN UNTUK PENGANGKUTAN DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR (RMK 2 - RMK 8)

RANCANGAN 5 TAHUN	PERATUSAN BELANJAWAN
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA	33.8
RANCANGAN MALAYSIA KETIGA	33.1
RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT	22.6
RANCANGAN MALAYSIA KELIMA	30.2
RANCANGAN MALAYSIA KEENAM	28.4
RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH	26.6
RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN	27.7

Sumber : Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia, Pelbagai Keluaran.

Bagi menjana perkembangan sektor industri kerajaan telah membuka kawasan perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur di seluruh negara. Kawasan perindustrian ini mempunyai beberapa peringkat iaitu kawasan perindustrian kecil, kawasan/estet perindustrian utama, kawasan zon perdagangan bebas (FTZ) dan taman teknologi Malaysia (TTM). Kawasan perindustrian kecil dibuka di merata tempat untuk menyeimbangkan sektor industri supaya tidak tertumpu di satu-satu kawasan perindustrian

utama sahaja. FTZ pula menumpu kepada pengeluaran barangan untuk eksport manakala TTM pula lebih kepada sektor industri berteknologi tinggi dan ITC.

Antara kawasan/estet perindustrian utama di Malaysia adalah Batu Tiga, Shah Alam di Selangor, Pasir Gudang, Larkin dan Tampoi (Johor), Mengelembu (Perak), Mak Mandin (Pulau Pinang), Gebeng (Pahang), Pangkalan Chepa (Kelantan), Likas dan KePAYang (Sabah) Sungai Antu dan Bintulu (Sarawak). FTZ pula terdapat di Sungei Way dan Ulu Klang (Selangor), Prai (Pulau Pinang) dan Batu Berendam (Melaka). TTM pula terdapat di Serdang, Selangor.

Kemudahan pengangkutan yang ada di Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia sama ada pengangkutan darat, udara dan laut. Lebuhraya Utara-Selatan yang menghubungkan utara dan selatan Semenanjung Malaysia telah memudahkan pergerakan di Koridor Pembangunan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kemudahan pelabuhan juga disediakan di setiap penjuru masuk seperti Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Kuantan. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pula menjadi pintu masuk utama bagi pengangkutan udara.

Sabah dan Sarawak juga tidak terkecuali dalam penyediaan kemudahan pengangkutan walaupun tidak sebaik di Semenanjung Malaysia. Lebuhraya Trans-Borneo yang menghubungkan Sabah, Brunei dan Sarawak sedang giat dijalankan dan apabila siap sepenuhnya akan memudahkan pergerakan antara ketiga-tiga kawasan ini. Kemudahan pelabuhan juga disediakan seperti Pelabuhan Kota Kinabalu, Pelabuhan Sandakan,

Pelabuhan Kuching dan Pelabuhan Bintulu. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pula menjadi pintu masuk utama bagi pengangkutan udara.

Jelas dengan adanya kemudahan infrastruktur dan pengangkutan yang lengkap, sektor perindustrian di Malaysia semakin mudah dibangunkan. Pengangkutan boleh diibaratkan seperti edaran darah yang mengalir dalam tubuh untuk menggerakkan anggota badan kita (Schaeffer dan Sclar, 1975). Oleh yang demikian untuk negara yang hendak membangun dan maju dari aspek ekonominya, perancangan pembangunan infrastruktur terutamanya pengangkutan amat penting bagi menjamin segala pergerakan barangan dan manusia tidak terganggu atau tergendala akibat pengangkutan yang tidak cekap.

3.3.4 DASAR KERAJAAN

Peranan kerajaan dalam proses pembangunan ekonomi negara sememangnya tidak boleh dinafikan. Sejak selepas merdeka lagi kerajaan telah mengambil inisiatif mencari jalan membangunkan ekonomi negara dengan mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terlalu bergantung kepada sektor ekonomi primer sahaja. Hasilnya kerajaan telah menggalakkan penglibatan dalam sektor perindustrian.

Peranan kerajaan dalam sektor perindustrian sememangnya amat besar walaupun kerajaan tidak terlibat secara langsung dalam sektor ini. Peranan kerajaan melibatkan penyediaan kemudahan untuk sektor ini seperti kawasan perindustrian serta kemudahan

infrastruktur dan pengangkutan. Peranan yang lebih besar dimainkan oleh kerajaan adalah melalui insentif dan galakkan kepada firma tempatan mahupun asing supaya melabur dalam sektor ini. Antara insentif yang diwujudkan adalah taraf perintis, insentif fiskal, insentif bukan fiskal dan lain-lain lagi.

Peranan kerajaan dalam melaksanakan dasar perindustrian sentiasa berubah ubah mengikut kesesuaian dan perkembangan ekonomi semasa (Lihat Jadual 3.3). Bermula dengan industri penggantian import dan orientasi eksport pada peringkat awal penglibatan sehinggalah industri ICT pada masa ini, sektor industri negara akan terus berkesinambungan. Proses perancangan dalam sektor industri yang melibatkan jangka masa pendek, sederhana dan panjang juga telah dilaksana melalui Pelan Induk Perindustrian I dan II serta Dasar Wawasan Negara (Wawasan 2020).

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah dipertanggungjawabkan untuk menjana perkembangan sektor perindustrian negara. Bagi menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) pula, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) telah ditubuhkan pada 1996. Rombongan perdagangan ke luar negara untuk menerangkan suasana perindustrian juga kerap diadakan oleh MITI untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di Malaysia.

3.4 MASA DEPAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA

Setelah melihat perkembangan perindustrian yang dialami oleh negara, prospek masa depan perindustrian negara adalah baik. Ini kerana asas perindustrian negara adalah kukuh melalui strategi yang menyeluruh melalui pelan jangka pendek, sederhana dan panjang kerajaan iaitu rancangan 5 tahun, Pelan Induk Perindustrian (PIP) I dan II dan Wawasan 2020. Pengalaman selama hampir 50 tahun dalam bidang perindustrian dilihat berguna dalam perancangan pembangunan perindustrian negara. Secara keseluruhannya dijangkakan masa depan perindustrian di Malaysia adalah cerah.

Walau bagaimanapun, dalam menuju tahap negara maju sepenuhnya memang ada cabaran yang perlu dilalui. Ini kerana seperti sektor utama lain, sektor perindustrian negara turut terdedah kepada ancaman dan isu-isu di peringkat global seperti kemelesetan ekonomi dunia, pengwujudan blok perdagangan dan juga persaingan. Kebergantungan yang besar kepada pelabur luar dan satu sub-sektor yang dominan seperti tekstil dan elektrik dan elektronik juga boleh memberi implikasi yang besar jika timbul masalah yang tidak diingini.

Kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat seterusnya ekonomi dunia misalnya telah memberi kesan yang besar kepada sektor elektrik dan elektronik negara. Jadi sudah tiba masanya negara mempunyai syarikat-syarikat multinasional sendiri untuk menempuhi era globalisasi dan liberalisasi yang sememangnya memberi cabaran yang besar kepada sektor perindustrian negara.

Namun begitu cabaran awal kepada sektor industri boleh dilihat apabila pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjelang 2005. Apabila AFTA dilaksanakan tiada lagi perlindungan kepada firma tempatan dan tarif akan dipotong sehingga 5 peratus bagi pasaran ASEAN. Oleh yang demikian firma tempatan perlulah bersedia untuk bersaing dengan firma-firma asing yang akan menawarkan barangan pada harga yang lebih murah. Kegagalan dan ketidaksediaan firma bersaing boleh membawa kepada masalah seperti kerugian dan akhirnya ditutup. Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pelaksanaan AFTA sebenarnya untuk merangsang persaingan firma di rantau ASEAN selain proses globalisasi dan keperluan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang boleh menggugat keupayaan pasaran produk firma tempatan jika mereka tidak bersedia menghadapinya (Berita Harian, 8 Februari 2002).

Cabaran yang lebih besar mungkin timbul dan telahpun berlaku iaitu persaingan antara negara dalam menawarkan lokasi dan insentif menarik kepada firma luar untuk melabur. Negara seperti China dan Vietnam bukan sahaja menawarkan insentif menarik kepada firma asing melabur di negara mereka malah menawarkan juga bekalan buruh murah yang ramai serta pasaran domestik yang luas. Bagi negara kita pula, pada masa ini bekalan tenaga buruh tempatan semakin berkurangan dan terpaksa membawa masuk buruh dari luar seperti Indonesia, Bangladesh dan India. Selain itu pasaran domestik negara juga kecil.

Sejarah perindustrian dunia telah membuktikan bahawa negara yang dapat menawarkan buruh murah sentiasa menjadi pilihan utama kepada firma untuk melabur di sesebuah negara itu. Firma asing di Singapura misalnya pernah memindahkan lokasinya ke

Malaysia dan tidak mustahil satu hari nanti firma ini akan memindahkan lokasinya ke China dan Vietnam dari Malaysia.

Oleh yang demikian negara perlulah bersedia untuk menghadapi segala cabaran dan masalah yang timbul dalam sektor industri. Penumpuan boleh diberikan kepada industri yang berteknologi tinggi dan berintensifkan modal dan tidak kepada yang berintensifkan buruh seperti sektor ICT. Jadi langkah kerajaan menceburi bidang ICT dan menyediakan prasarana berteknologi melalui MSC adalah langkah tepat dalam menempuh cabaran sektor industri pada masa akan datang.

3.5 PERINDUSTRIAN DI NEGERI JOHOR

Johor adalah salah sebuah negeri yang terpenting dari aspek pembangunan perindustrian di Malaysia bersama-sama dengan Selangor dan Pulau Pinang. Seperti perkembangan perindustrian di Malaysia, perindustrian di Johor juga telah bertapak sejak sebelum merdeka lagi. Penumpuan dalam perindustrian pada masa itu hanyalah dalam industri skala kecil seperti memproses makanan dan minuman, barang keperluan harian, perabot dan kraftangan. Tumpuan industri pula hanya di bandar-bandar utama seperti Johor Bahru, Batu Pahat dan Muar. Walaupun Johor ada ditanam dengan getah, tetapi industri pemprosesan getah tidak dilakukan di negeri ini sebaliknya di Singapura. Ini disebabkan, Singapura adalah pusat kepada kegiatan ekonomi British di Tanah Melayu.

Selepas kemerdekaan, ekonomi Johor belum menjurus kepada sektor perindustrian, sebaliknya sektor ini bergerak pada tahap paling minimum. Masih belum ada kemudahan infrastruktur khusus seperti estet perindustrian di Johor. Perindustrian dijalankan di kawasan bandar dan pinggir bandar tetapi kemudahan tidak diurus dengan baik terutamanya di Larkin dan Tampoi di Johor Bahru. Hal yang sama juga berlaku di kawasan di mana industri dijalankan secara kecil-kecilan.

Walau bagaimanapun, apabila kerajaan Malaysia melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) barulah ada inisiatif untuk memajukan sektor perindustrian di Johor dan di negeri-negeri lain. Kawasan Perindustrian Larkin dan Tampoi telah disusun semula dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas. Penubuhan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ), pada Ogos 1970 telah membawa dimensi baru kepada sektor perindustrian di Johor. PKENJ (sekarang dikenali dengan Perbadanan Johor – PJ) telah diberi tanggung jawab untuk membangunkan kawasan industri di Johor (PKENJ, 1985). Pada masa ini pula Perbadanan Johor telah menubuhkan anak syarikat iaitu Johor Technopark Sdn. Bhd. untuk merancang, membangunkan dan menguruskan kawasan-kawasan perindustrian diseluruh negeri

Selain Perbadanan Johor, ada juga institusi yang memainkan peranan dalam pembukaan kawasan perindustrian seperti Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan Syarikat Kilang-Kilang Perusahaan Malaysia Sendirian Berhad (MIEL). KEJORA misalnya telah membuka kawasan perindustrian di kawasannya iaitu Bandar Tenggara (118 hektar) dan Bandar Penawar (29 hektar). Pembukaan kawasan perindustrian di KEJORA


adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk FELDA khususnya generasi kedua supaya tidak terlalu bergantung kepada sektor pertanian.

Perkembangan pesat sektor perindustrian berterusan hingga kini di mana kawasan perindustrian telah dibuka di seluruh daerah di negeri ini (Lihat Peta 3.1). Antara kawasan perindustrian utama di setiap daerah adalah Tampoi-Larkin, Pasir Gudang, Senai I dan II dan Tebrau (Johor Bahru), Seri Gading, Tongkang Pecah dan Parit Raja (Batu Pahat), Tangkak, Tanjung Agas dan Pagoh (Muar), Bandar Tenggara dan Bandar Penawar (Kota Tinggi) Sungai Semberong (Keluang) dan Segamat. Selain itu beberapa kawasan juga telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian baru.

Johor juga mempunyai dasar pembangunan perindustriannya sendiri dengan menggariskan matlamat untuk menjadi negeri yang maju menjelang 2005. Pembangunan Koridor Perindustrian Negeri Johor juga diwujudkan dan penumpuan adalah disepanjang Lebuhraya Utara Selatan. Antara Koridor Perindustrian itu adalah Muar-Segamat, Batu Pahat-Keluang dan Gelang Patah-Kota Tinggi. Selain dasar diperingkat negeri ini, Johor juga berkembang selaras dengan acuan perindustrian nasional melalui Pelan Induk Perindustrian Negara (PIP I dan PIP II) serta Wawasan 2020.

Perkembangan perindustrian di Johor banyak dirangsang oleh beberapa faktor seperti banyak kawasan yang sesuai, buruh, kemudahan infrastruktur yang baik, galakkan kerajaan serta faktor lokasi yang berhampiran dengan Singapura. Faktor-faktor ini memberi satu pakej yang baik kepada pelabur terutamanya dari luar untuk melabur di negeri ini. Johor misalnya mempunyai tiga buah pelabuhan termasuk satu yang baru dibuka iaitu

RAJAH 3.2: KAWASAN PERINDUSTRIAN DAN KORODOR PERINDUSTRIAN DI NEGERI JOHOR



Sumber: Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Johor, 1991.

Pelabuhan Tanjung Langsat selain Pelabuhan Johor (Pasar Gudang) dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP). Pembukaan PTP telah memberi saingan kepada Pelabuhan Singapura sebagai pelabuhan baru yang paling pesat berkembang di Asia.

Kerjasama diperingkat wilayah juga dilaksana melalui konsep segi tiga emas yang melibatkan Johor (Malaysia), Singapura dan Riau-Batam (Indonesia) atau lebih dikenali sebagai IMT-GT. Kerjasama antara negeri yang bersempadan dengan Johor juga diadakan seperti dengan Melaka dan Negeri Sembilan di Pantai Barat serta Pahang di Pantai Timur.

3.6 KESIMPULAN

Dari apa yang dilihat, perindustrian di Malaysia mempunyai kesinambungan untuk terus maju pada masa hadapan. Dasar-dasar yang diperkenalkan di peringkat persekutuan telah diambil oleh kerajaan negeri untuk dilaksanakan di negeri masing-masing seperti Johor. Tanpa kerjasama ini mana mungkin sektor perindustrian dapat berkembang pesat dan seterusnya membantu memakmurkan ekonomi negara. Dikenali sebagai sebuah negara pengekspor getah dan timah utama dunia, Malaysia khasnya dan Johor amnya akan terus menjadikan sektor perindustrian teras ekonomi negara. Namun begitu sektor penting lain terutamanya pertanian perlulah dipertingkatkan kemajuannya untuk mencapai keseimbangan.

Pengetahuan tentang latar belakang dan perkembangan sektor perindustrian di Malaysia penting dalam kajian ini untuk melihat kesinambungannya dengan sektor

perindustrian di Pasir Gudang. Ini kerana kebanyakan pembangunan perindustrian yang dijalankan di KPPG dan kawasan lain adalah berteraskan kepada dasar perindustrian diperingkat nasional.